

31 MAY 1998

Sabbaruddin-Muhammad

SIAPA KATA ADA HALANGAN UNTUK MUHAMMAD, KATA SABBARUDDIN

KUALA LUMPUR, 31 Mei (Bernama) -- Tidak ada halangan bagi bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib untuk kembali memegang jawatannya sebagai Naib Presiden Umno, kata Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik hari ini.

"Siapa kata ada halangan?" kata beliau kepada pemberita ketika dikemukakan soalan sama ada terdapat sebarang halangan teknikal yang boleh menyekat Muhammad daripada kembali ke jawatannya dalam parti.

"Alasan beliau ketika bercuti daripada jawatan itu dahulu ialah supaya tidak menyukarkan penyiasaan terhadap beliau... kalau alasan itu, tak ada masalah, tapi terpulang kepada Majlis Tertinggi (MT) dan terpulang kepada dia juga," katanya.

Sabbaruddin berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kedudukan Muhammad dalam Umno berikutan keputusan Mahkamah Daerah di Brisbane, Australia pada Jumaat yang membebaskan beliau daripada dua tuduhan berhubung wang yang dibawanya semasa memasuki dan keluar dari Australia pada 16 Dis 1996.

"Yang pentingnya Muhammad bercuti dan bukannya berhenti daripada jawatan Naib Presiden Umno," katanya.

Beliau berkata bekas Ketua Menteri Melaka Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik dahulu pun pernah bercuti daripada jawatannya sebagai Ketua Pergerakan Pemuda Umno.

Ketika ditanya sama ada atas alasan yang sama, Muhammad berhak dikembalikan ke jawatan Naib Presiden Umno seperti Rahim kembali memegang jawatan Ketua Pemuda Umno selepas didapati tidak bersalah oleh mahkamah, Sabbaruddin berkata, "It's not a question of right (ia bukan soal hak)... question-nya beliau bercuti."

Katanya, oleh itu terpulanglah kepada MT Umno kerana cuti itu dipohon oleh Muhammad daripada MT dan kelulusan cuti itupun diberikan kepadanya oleh MT.

Sabbaruddin turut mengucapkan selamat kepada Muhammad yang kini bebas daripada tekanan berat yang dihadapinya sebagai orang kena tuduh sepanjang kes itu.

"Alhamdulillah semuanya dah selamat belaka... dari segi lain... Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) dah buat statement bahawa terpulang kepada MT yang akan bermesyuarat 8 Jun ini," katanya.

Beliau berkata memang baiklah bagi Muhammad dan sesiapa juga yang memiliki harta di luar negara supaya menjual hartanya di sana dan membawa pulang ke Malaysia mata wang asing untuk membantu mengukuhkan kedudukan ringgit.

Sebelum itu, Sabbaruddin yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan ketika merasmikan kempen "Menyemarakkan Semangat Cintai Malaysia" melalui lagu-lagu tempatan anjuran MCA di Dataran Merdeka, berkata kempen itu baik kerana ia berupaya meningkatkan lagi semangat kecintaan kepada negara.

Beliau yakin kesan kempen-kempen yang dijalankan oleh banyak pihak setakat ini, akan membantu menyelamatkan tukaran wang asing apabila rakyat mengutamakan barangan tempatan.

-- BERNAMA

MNY MAI